



B. MODEL 1: VAKSINASI PADA PENGGUNAAN UMUM PPV

15. Siapa yang boleh memohon Model 1?

Mana-mana syarikat yang berminat untuk menghantar pekerja-pekerja mereka untuk vaksinasi di PPV yang berhampiran dengan lokasi syarikat.

16. Sekiranya pekerja yang mendaftar untuk PIKAS meninggalkan Syarikat sebelum menerima imunisasi penuh di bawah program ini, adakah syarikat masih perlu menanggung kos vaksinasi berikutnya?

Syarikat diminta **menanggung sepenuhnya kos pengurusan imunisasi** untuk pekerja-pekerja yang terpilih untuk menyertai PIKAS. Syarikat hendaklah menggalakkan pekerjanya untuk memenuhi syarat-syarat imunisasi sepenuhnya.

17. PIKAS mensyaratkan syarikat membayar kos pengurusan vaksinasi bagi pekerja-pekerjanya. Bolehkah syarikat memotong gaji pekerja untuk membayar balik pembayaran bagi vaksinasi?

Semua kos di bawah program ini mesti ditanggung oleh syarikat. Pekerja tidak boleh dikenakan bayaran kos pengurusan vaksinasi.

18. Bagaimana sekiranya jumlah pekerja yang hadir pada hari vaksinasi kurang daripada jumlah pekerja yang didaftarkan?

Pembayaran kepada PPV adalah tertakluk kepada kontrak di antara syarikat yang mengambil bahagian dan pihak PPV. Pihak PPV akan membuat perancangan untuk vaksinasi berdasarkan jumlah pekerja yang didaftarkan.

Adalah menjadi tanggungjawab majikan untuk memastikan semua pekerja yang terpilih untuk program ini hadir. Syarikat diberi pilihan menggantikan pekerja yang tidak hadir dengan pekerja yang dijadualkan untuk divaksinasi pada tarikh keesokkannya.